


Tak perlu bimbang, bekalan makanan mencukupi

MOHD HAFIZ ISMAIL | | 22 April 2020



Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika sidang media harian Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Bangunan Perdana Putra hari ini. - Foto Bernama

PUTRAJAYA - Kerajaan memaklumkan bahawa bekalan keperluan makanan harian di negara ini mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara secara berterusan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia berdasarkan maklumat daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang sentiasa melakukan pemantauan bekalan makanan harian seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, ayam, daging, telur dan susu segar di seluruh negara.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga memberi jaminan barang makanan basah seperti sayur-sayuran juga lebih daripada mencukupi.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak bimbang dengan bekalan makanan dan keperluan harian bagi menyambut bulan Ramadan kerana ia dijamin mencukupi," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di sini hari ini.

Beliau berkata, semalam, penguat kuasa KPDNHEP telah membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di 1,133 pemeriksaan premis perniagaan.

"Daripada jumlah tersebut, ia melibatkan 833 peruncit, 268 pemborong dan 32 pengilang," katanya.

<https://www.sinarharian.com.my/article/80129/BERITA/Nasional/Tak-perlu-bimbang-bekalan-makanan-mencukupi>

